



MAJLIS KONVOKESYEN

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

ke-**19**

4-6 NOV | 20-22 RABIULAKHIR
2023 | 1445H
DEWAN CANSOLOR, UTeM





di sini

Segalanya

bermula

ويؤمر سیتی تيكنيڠ

NIKAL MALAYSIA MELAI

UTEM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Segala puji-pujian untuk-Mu ya Allah, tuhan sekalian alam, tuhan yang memiliki segala keagungan dan kekuasaan, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. juga ke atas keluarganya, para sahabatnya dan mereka yang mencontohinya sehingga hari kiamat.

ALLAH HUMMA YA ALLAH

Kami berhimpun di dewan yang serba indah, di hari yang penuh keceriaan ini, bersempena dengan Majlis Konvokesyen ke-18 Universiti Teknikal Malaysia Melaka, dalam suasana khusyuk dan tawaduk kerana ingin memohon limpah kurniaan-Mu, 'inayah dan ri'ayah-Mu, taufik dan hidayah-Mu, agar diampunkan segala dosa-dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami, guru-guru kami serta dosa seluruh umat Nabi Muhammad S.A.W. yang masih hidup mahu pun yang telah meninggal dunia. Jadikanlah majlis kami ini, majlis yang sentiasa diredhai dan dirahmati oleh-Mu.

ALLAH HUMMA YA ZALFADLI WAL IHSAN

Tuhan yang mempunyai kemuliaan dan kebesaran, anugerahilah azam yang tinggi, kemuliaan budi pekerti yang murni, ke atas para pendidik dan pensyarah yang telah mencurahkan tenaga dan idea, dalam kepayahan dan keperitan mendidik anak bangsa kami, memecahkan kegelapan dan kejahilan yang menyelubungi pemikiran dan hati anak bangsa kami, meneranginya dengan cahaya ilmu dan pengetahuan sehingga anak bangsa kami berjaya mencapai kepuncak kejayaan. Jadikanlah kegigihan dan keikhlasan mereka itu untuk menambahkan kekuatan dan ketinggian martabat mereka sebagai ahli ilmu dan pengamal teknikal dan kejuruteraan yang ulung di negara kami.

ALLAH HUMMA YA ZALQUWWATIL MATIN

Limpahkanlah rahmat dan petunjuk-Mu, yang luas kepada penerima-penerima anugerah pada hari ini, kerana berkat kesungguhan mereka untuk mencapai kejayaan hidup, di dunia dan akhirat. Berikanlah mereka keyakinan, serta kekuatan, untuk terus menyumbangkan kepakaran, pemikiran dan segalanya, demi kemajuan agama, bangsa dan negara. Mudah-mudahan, penganugerahan dan pengiktirafan yang diberikan ini, dapat meningkatkan kompetensi dan seterusnya mengharumkan nama baik organisasi UTeM ke persada dunia.

ALLAH HUMMA YA FATTAH YA 'ALIM

Kembangkanlah lembayung nikmat dan rahmat-Mu kepada pemimpin-pemimpin negara kami, khususnya di bawah naungan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, kepada pemimpin negeri yang kami kasihi, Tuan Yang Terutama, Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di-Pertua Negeri Melaka, seluruh kepimpinan dan warga UTeM serta sesiapa sahaja yang bersama-sama dengan kami.

Ya Allah, berikanlah kami kekuatan dan keyakinan, serta tingkatkanlah iltizam kami agar segala ilmu yang telah Engkau kurniakan, dapat kami pergunakan dengan sebaik-baiknya, dengan penuh jujur, dedikasi dan sentiasa maju ke hadapan. Kami jua memohon, semoga kerjasama dan usaha murni yang telah terjalin di antara kami ini, akan sentiasa mekar, di dalam persediaan untuk melangkah jauh sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang terunggul.



CANSELOR

Chancellor

**TUAN YANG TERUTAMA TUN SERI SETIA (DR.)
HJ. MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM**

S.M.N., S.P.S.M., P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., D.G.S.M.,
D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.



UTeM

MENTERI PENDIDIKAN TINGGI

Minister of Higher Education

**YANG BERTHORMAT DATO' SERI
MOHAMED KHALED BIN NORDIN**

S.P.M.J., S.P.M.P., P.N.B.S., D.I.M.P.,
D.S.P.N., S.M.J., P.I.S.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PRO-CANSELOR

Pro-Chancellor

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI (DR.)
HALIM BIN SAAD**

P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P., D.C.S.M., D.S.A.P.,
D.P.M.P.



**PENGERUSI LEMBAGA
PENGARAH UNIVERSITI**
*Chairman of the University
Board of Directors*

**YANG BERBAHAGIA DATO' DR.
HUSAINI BIN OMAR**

D.P.M.K., D.P.M.S., P.S.K.



اونيورسيتي تېكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



NAIB CANSELOR
Vice-Chancellor

**YANG BERBAHAGIA PROFESOR DATUK TS. DR.
MASSILA BINTI KAMALRUDIN**

D.M.S.M.

Sekapur Sirih

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpahan rahmat dan kurniaan dariNya, Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-19 dapat dianjurkan seperti yang telah dirancangkan. Saya mewakili Pengurusan Tertinggi Universiti mengalu-alukan kehadiran tetamu-tetamu kehormat dan ibu bapa graduan ke majlis kemuncak Universiti yang amat dinanti-nantikan oleh semua dan tercatat di dalam kalendar akademik Universiti ini.

Sudah semestinya pada hari yang bersejarah ini, rasa bangga dizahirkan atas kejayaan 3,378 orang graduan yang berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat dan bidang pengajian mereka menerusi enam (6) sesi penganugerahan yang merangkumi 100 orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, 4 orang graduan Doktor Kejuruteraan, 151 orang graduan Ijazah Sarjana, 2,618 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 505 orang graduan Diploma. Majlis Konvokesyen kali ini juga turut diserikan lagi dengan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus kepada Dato' Dr. Abu bin Abdullah yang merupakan mantan Profesor di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Universiti merupakan sebuah gedung ilmu untuk melahirkan graduan dalam pelbagai bidang. Kejayaan besar bagi sesebuah Universiti adalah apabila melihat graduan yang dilahirkan menjadi buruan industri. Menyedari akan perkara ini, UTeM sentiasa bertindak proaktif dalam memastikan graduan yang dilahirkan dilengkapi dengan segala aspek kemahiran bagi memenuhi pasaran industri. Alhamdulillah bagi tahun 2022, peratus kebolehpasaran UTeM telah meningkat sebanyak 5.3% kepada 96.4%. Ini merupakan satu pencapaian yang sangat membanggakan kerana graduan UTeM telah mampu untuk bersaing dalam mendapatkan penempatan di industri.

Akhir kata, saya ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada semua staf UTeM serta urus setia Majlis Konvokesyen yang telah bertungkus lumus menjayakan Majlis Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka kali ke-19. Semoga kerjasama dan usaha yang telah diberikan terus berkekalan demi kepentingan dan kemahiran para pelajar UTeM.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada para graduan UTeM. Terima kasih kepada ibu bapa yang tanpa jemu mendoakan anak-anak dan memberi kepercayaan kepada UTeM. Semoga terus cemerlang dan selamat maju jaya. Sekian, terima kasih.

YBhg. Profesor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Foreword

IN THE NAME OF ALLAH, MOST MERCIFUL, MOST COMPASSIONATE

Assalamualaikum WBT and warm greetings to all.

With profound gratitude to Almighty Allah S.W.T. for His mercy and blessings, we gather today to celebrate the momentous 19th Convocation Ceremony of Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). On behalf of the University's Senior Leadership, I warmly welcome our esteemed guests and the proud parents of our graduates. This day signifies an awaited milestone in our academic journey.

This year is particularly memorable as we honor the achievements of 3,378 graduates spanning various fields of study. Among them are 100 Doctor of Philosophy recipients, 4 Doctor of Engineering recipients, 151 Master's degree recipients, 2,618 Bachelor's degree recipients, and 505 Diploma recipients. This Convocation Ceremony also holds special significance as we bestow the title of Professor Emeritus upon Dato' Dr. Abu bin Abdullah, a distinguished former professor of UTeM.

A university stands as a beacon of knowledge that produces graduates poised to make their mark in various sectors. A significant success for a University is witnessing its graduates becoming sought-after talents in the industry. Recognizing this, UTeM has proactively worked to ensure our graduates are fully prepared to meet industry demands. Alhamdulillah, we are thrilled to announce that in the year 2022, our graduates' employability rate witnessed an encouraging surge of 5.3%, bringing the total to an impressive 96.4%. This significant achievement speaks volumes about the competitiveness and readiness of UTeM graduates in positioning themselves within the industry.

Finally, I wish to convey my sincere gratitude to all UTeM staff and the Convocation Ceremony secretariat for their relentless dedication and concerted efforts in making the 19th Universiti Teknikal Malaysia Melaka Convocation Ceremony a success. I hope this collaborative spirit and steadfast dedication will continue to thrive for the betterment of our student community.

To our accomplished graduates, well done on reaching this milestone. To the parents, we are grateful for entrusting us with the academic journey of your children. May today be the beginning of a journey filled with endless opportunities and profound success.

Thank you

Professor Datuk Ts. Dr. Massila binti Kamalrudin
Vice Chancellor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

UNIVERSITY BOARD OF DIRECTORS



PENGERUSI - Chairman
YBHG. DATO DR. HUSAINI BIN OMAR



AHLI - Member
YBHG. PROFESSOR DATUK TS. DR.
MASSILA BINTI KAMALRUDIN



AHLI - Member
YB DATUK WIRA ZAIDI
BIN JOHARI



AHLI - Member
YBRS. TUAN HAJI KAMARUZAMAN
BIN MAHMOOD



AHLI - Member
YBRS. ENCIK ZULKHAIRIL AMAR
BIN MOHAMAD



AHLI - Member
YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR.
SHAHRIN BIN SAHIB, FASc.



AHLI - Member
YBRS. PUAN FARNIDA
BINTI NGAH



AHLI - Member
YBHG. DATUK ROSNAH
BINTI HAJI ABDUL RASHID SHIRLIN



AHLI - Member
YBRS. ENCIK ROZAINI
BIN MOHD SANI



AHLI - Member
YBRS. TS. DR. ZAHRI
BIN YUNOS



AHLI - Member
YBRS. PUAN RUSNAH BINTI ALUAI



AHLI SILIH GANTI KPT - Member
YBRS. PUAN MAZLINA
BINTI MOKHTAR



SETIAUSAHA - Secretary
YBRS. ENCIK MASDZARIF
BIN MAHAT

SENAT SENATE



PENGERUSI - Chairman
YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR. MASSILA
BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
Vice-Chancellor



AHLI - Member
PROFESOR DR. ZULKIFILIE
BIN IBRAHIM
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
Deputy Vice-Chancellor
(Academic & International)



AHLI - Member
PROFESOR IR. DR. GHAZALI
BIN OMAR
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
Deputy Vice-Chancellor
(Research & Innovation)



AHLI - Member
YBHG. DATUK PROFESOR MADYA
DR. SABRI BIN MOHAMAD SHARIF
TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI)
Deputy Vice-Chancellor
(Student Affairs & Alumni)



AHLI - Member
PROFESOR DR. MOHD RIZAL
BIN SALLEH
DEKAN
SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH
Dean
School for Graduate Studies



AHLI - Member
PROFESOR MADYA TS. DR.
MOHD SANUSI BIN AZMI
DEKAN
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT
& KOMUNIKASI
Dean
Faculty of Information &
Communications Technology



AHLI - Member
PROFESOR DR. MOHD
SYAIFUL RIZAL BIN ABDUL HAMID
DEKAN
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI
& TEKNOUSAHANAN
Dean
Faculty of Technology Management
& Technopreneurship



AHLI - Member
**PROFESOR MADYA DR. HIDAYAT
 BIN ZAINUDDIN**
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN
 ELEKTRIK
 Dean
 Faculty of Electrical Technology and Engineering



AHLI - Member
**PROFESOR MADYA DR. MASRULLIZAM
 BIN MAT IBRAHIM**
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN
 ELEKTRONIK DAN KOMPUTER
 Dean
 Faculty of Electronics and Computer
 Technology and Engineering



AHLI - Member
**PROFESOR DR. MOHD FADZLI
 BIN ABDOLLAH**
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN
 MEKANIKAL
 Dean
 Faculty of Mechanical Technology and
 Engineering



AHLI - Member
**PROFESOR IR. DR. HAMBALI
 BIN AREP @ ARIFF**
 DEKAN
 FAKULTI TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN
 INDUSTRI DAN PEMBUATAN
 Dean
 Faculty of Industrial and Manufacturing
 Technology and Engineering



AHLI - Member
**PROFESOR DR. AHMAD ZAKI
 BIN A BAKAR**
 DEKAN
 INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI
 & KEUSAHAWANAN
 Dean
 Institute of Technology Management
 & Entrepreneurship



AHLI - Member
**YBRS. PUAN NURLISA LOKE
 BINTI ABDULLAH**
 DEKAN
 PUSAT PEMBELAJARAN BAHASA
 Dean
 Centre for Languages Learning



AHLI - Member
**YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR.
 SHAHRIN BIN SAHIB, FSc.**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR DR. ABDUL RANI
 BIN OTHMAN**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR DR. MOHD KHANAPI
 BIN ABD GHANI**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR IR. DR. BADRUL
 HISHAM BIN AHMAD**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR DR. ZAHRILADHA
 BIN ZAKARIA**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR TS. DR. BURHANUDDIN
 BIN MOHD ABOOBAIDER**
 PROFESOR
 Professor



AHLI - Member
**PROFESOR IR. DR. KENNETH
 A/L SUNDARAJ**
 KO-OPT
 CO-Opted



AHLI - Member
**PROFESOR MADYA TS. MOHD
 RAHIMI BIN YUSOFF**
 KO-OPT
 CO-Opted



SETIAUSAHA/AHLI EX-OFFICIO
 Secretary/Ex-Officio Member
**YBRS. ENCIK MASDZARIF
 BIN MAHAT**
 KETUA PEGAWAI OPERASI
 Chief Operating Officer



AHLI EX-OFFICIO
 Ex-Officio Member
**YBRS. PUAN SABARINA
 BINTI ABDULLAH**
 BENDAHARI
 Bursar



AHLI EX-OFFICIO
 Ex-Officio Member
**YBRS. PUAN SITI SALUWA
 BINTI JAMAL**
 KETUA PUSTAKAWAN
 Chief Librarian



AHLI EX-OFFICIO
 Ex-Officio Member
**YBRS. ENCIK MOHD NIZAM
 BIN PAVEL**
 PENASIHAT UNDANG-UNDANG
 Legal Advisor



Lambang Kuasa Universiti KERIS PANJANG

Keris Panjang dikatakan sebagai kumpulan yang tertinggi kedudukannya dalam kumpulan keris. Keris Panjang ini hanya dipakai oleh raja-raja atau pembesar-pembesar istana. Jenis ini juga kadangkala dikenali sebagai Keris Bahari atau Keris Sumatera atau Keris Darjat atau Keris Melela atau Keris Sapukal yang ditentukan melalui mata, hulu dan sarungnya. Mata jenis keris ini biasanya tirus dan lurus. Kadangkala keris jikalau sarungnya bersalutkan emas ia juga dikenali sebagai Keris Terapang atau Keris Terapang Gabus. Mata Keris Panjang UTeM ini ditempa daripada besi waja dan dikatakan telah berusia lebih daripada 200 tahun berasal dari Pagar Ruyong, Sumatera dan terakhir ditemui di Pattani.

Hulu dan sarung keris ini diperbuat daripada kayu cengal bersalutkan perak dan emas putih dengan ukiran menyeluruh bunga kesidang (bunga rasmi Negeri Melaka). Di atas sampirnya diterapkan dengan logo UTeM dan pada pangkal batang keris ditulis perkataan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dalam khat Kufi, di hadapan sarung dan tulisan rumi di belakang sarung. Hulu keris ini berbentuk tapak kuda dengan replika hiasan tertentu yang bernilai dan ukiran ayat Rabbi Zidni Ilma (Surah Thohaa: Ayat 114) yang bermaksud "Ya Tuhanku, tambahkanlah ilmuku" melingkari hulu tersebut. Di tengah sampir sarung depan juga terdapat ukiran Surah Al-Ala' sebagai menyaksikan kesungguhan Universiti berhubung dengan ilmu pengetahuan.

Keris melambangkan kebesaran dan kekuasaan masyarakat Melayu yang sangat dimuliakan. Di samping pengaruhnya yang kuat mendasari budaya dan adat resam Melayu, ia juga merupakan suatu lambang keindahan seni pertukangan Melayu yang dikagumi dan dihormati. Keris Panjang sebagai lambang kuasa Universiti akan diperuntukkan untuk dipakai dan dibawa oleh Panglima semasa mengiringi Canselor pada Majlis Konvokesyen Universiti.

The University Symbol of Authority

KERIS PANJANG

Keris Panjang is said to be one of the highest stature amongst the groups of keris. Keris Panjang is only used by kings and royal court officials. This type of keris is sometimes known as Keris Bahari, Keris Sumatera, Keris Darjat , Keris Melela or Keris Sapukal which is determined by its blade, handle and cover. The blade of this type of keris is usually straight and sharp pointed. It is also known as Keris Terapang or Keris Terapang Gabus when its cover is gold plated.

The blade of UTeM Keris Panjang is made of steel and is said to be 200 years old and originated from Pagar Ruyong, Sumatera. It was last seen in Pattani. The handle and the cover of the keris are made of silver and platinum plated cengal. It is engraved with Bunga Kesidang (Malacca's official flower) motif. The UTeM logo is carved on the sampir of the keris. The wording Universiti Teknikal Malaysia Melaka is engraved in Kufi calligraphy on the front side of the cover and in Roman letters on the other side.

The handle of the keris is shaped like a horse shoe and engraved with the verse "Rabbi Zidni Ilma" (Surah Thohaa:114) which denotes "O Allah, grant me knowledge" across it. On the front side of the cover is a carving of Surah Al-Ala' verses, which symbolises the University's determination to acquire knowledge.

Keris is the noble symbol of power and authority of the Malay community. Besides its substantial influence on the Malay custom and culture, it is also a symbol of the admired and respected exquisite Malay craftsmanship. Keris Panjang as the symbol of power of the University is adorned by the panglima when escorting the Chancellor during the University Convocation.



Penerimaan Gelaran **PROFESOR EMERITUS**

DATO' DR. ABU BIN ABDULLAH

Dato' Dr. Abu bin Abdullah dilahirkan pada hari Rabu, tanggal 9 Mac 1960, dalam bulan Ramadhan, 1379 Hijrah, yang penuh keberkatan di Ujong Pasir, Melaka. Beliau, merupakan anak kelima daripada lapan orang adik-beradik kepada pasangan Esah binti Hitam dan Abdullah bin Kadir. Bagi menyara keluarga, bapa beliau bekerja di kampung dan berniaga secara kecil-kecilan, manakala ibunya adalah seorang suri rumah sepenuh masa. Ibu dan bapa beliau berpegang teguh dengan prinsip, "hanya dengan pendidikanlah yang dapat mengubah status keluarga", Prinsip ini telah menjadikan mereka begitu komited terhadap pencapaian pendidikan anak-anak, sehingga kesemua adik beradik beliau, telah berjaya dalam pengajian dan kerjaya masing-masing.

Menelusuri perjalanan pendidikan Dato' Dr. Abu bin Abdullah, beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ujong Pasir, Melaka. Bapa beliau begitu mementingkan pendidikan dalam aliran Inggeris, bagi memastikan beliau lebih berjaya dan berdaya-saing. Atas semangat tersebut, bagi pendidikan menengah, beliau telah melanjutkan pengajian menengah bawah di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Yoke Bin, Ayer Leleh, Melaka bermula dari kelas peralihan sehingga ke tingkatan tiga. Pengorbanan ibunya yang telah bersusah-payah untuk membelikan meja dan kerusi belajar yang terbaik dengan hanya menaiki beca pada ketika itu. Hal ini telah menjadi titik tolak untuk menguatkan azam beliau untuk terus berjaya dengan begitu cemerlang, dalam peperiksaan Lower Certificate of Education (LCE) pada tahun 1976. Rentetan daripada kejayaan itu, beliau telah diterima masuk menyambung pengajian ke Royal Military Collage (RMC) di Sungai Besi, Kuala Lumpur, pada tahun 1977 sehingga 1979, setelah melalui empat tapisan kemasukan yang begitu ketat. Pengalaman sewaktu di RMC telah menggilap bakat kepimpinan





beliau berdasarkan semangat "Serve To Lead" yang diterapkan, sepertinya komited, ketepatan masa, dan disiplin ketenteraan. Dengan pencapaian cemerlang dalam Malaysian Certificate of Education (MCE), pada tahun 1978, beliau seterusnya ditawarkan pengajian ke Tingkatan Enam Rendah di RMC.

Pada tahun 1979 sehingga 1981, beliau seterusnya melanjutkan pengajian GCE A-Level di Grantham College for Further Education, United Kingdom. Sebaik menamatkan pengajian pra-universiti, beliau telah ditawarkan pengajian dalam bidang fizik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia selaku penaja, namun cenderung memilih pengajian ijazah dasar dalam bidang kejuruteraan, mengambilkira keseimbangan antara disiplin fizik, kimia dan matematik. Beliau telah bergraduat dengan Ijazah Sarjana Muda Bachelor of Production Engineering dari Universiti Birmingham, United Kingdom, pada tahun 1984. Seterusnya, beliau telah mengikuti kursus Post-Graduate Certificate of Education (PGCE) di Maktab Perguruan Teknik di Cheras, Kuala Lumpur pada tahun 1984 hingga 1985. Berdasarkan minatnya yang mendalam dalam bidang pendidikan, beliau telah meneruskan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Manufacturing System Engineering pada tahun 1990 hingga 1991 di Warwick University di United Kingdom. Seterusnya ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Manufacturing Engineering, dengan tajuk tesis "Machining of Metal Matrix Composite (MMC)", dengan usaha sama dan penajaan industri sepenuhnya, iaitu British Aerospace, Cincinatti dan British Aluminum, pada tahun 1992 sehingga 1996, di universiti yang sama. Sewaktu pengajian di United Kingdom, kepimpinan beliau cukup terserlah apabila dilantik sebagai Setiausaha Persatuan Islam di Universiti Birmingham (tahun 1981 – 1984), Naib Presiden Persatuan Islam di Warwick University (tahun 1992 – 1993) dan Penghulu bagi Persatuan Masyarakat Melayu Malaysia di Coventry, United Kingdom (1992 – 1996), bagi menjaga hal-ehwal dan kebajikan masyarakat

Melayu disana.

Kunjungan beliau ke Amerika Syarikat sewaktu di tahun akhir pengajian Ijazah Sarjana Muda di Birmingham UK, adalah untuk melawat adiknya yang sedang menyambung pengajian di Tuscaloosa US. Dalam masa yang sama telah menemukan beliau dengan gadis pilihan hati iaitu Datin Dr. Suraya Binti Ahmad. Hasil daripada perkahwinan dengan suri hati idaman, mereka telah dikurniakan dengan lima orang cahaya mata perempuan dan masing-masing telah berjaya dalam kerjaya profesional (Dr. Nadiyah, Dr. Nasiha, Dr. Nabilah, Nurul Iman, dan, Nurul Ain). Kini, beliau mempunyai tiga orang cucu lelaki dan sedang menunggu detik kelahiran cucu yang keempat. Memori suka duka dan kenangan terindah, telah ditempuh bersama Datin Dr. Suraya Ahmad, ketika melayari fasa awal kehidupan rumahtangga yang begitu mencabar, dalam membesarkan anak-anak sewaktu pengajian sarjana dan kedoktoran falsafah beliau di United Kingdom. Berkat pengorbanan isteri tercinta, saling persefahaman dan kepercayaan tidak berbelah-bagi antara mereka, telah menjadi tunjang kepada kebahagiaan rumah-tangga yang telah dibina. Berkongsi minat mengembara yang sama dengan isteri tercinta, beliau dan keluarga kerap mengambil peluang mengembara bersama-sama untuk merantau ke setiap negara, bagi mengukuhkan jalinan ikatan silaturahmi kekeluargaan.

Menyingkap perjalanan panjang perkembangan kerjaya akademik beliau, beliau telah memulakan khidmat sebagai pensyarah bermula pada tahun 1985 di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. Setelah itu, beliau berpindah ke Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan sebagai pensyarah kanan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal pada tahun 1991. Sewaktu berkhidmat di kedua-dua politeknik di





bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, beliau begitu aktif dalam pembangunan fasiliti dan makmal-makmal baharu dan bengkel kejuruteraan, menjawat portfolio penting sebagai Ahli Jawatankuasa Pembangunan Teknikal Politeknik Baharu. Sumbangan beliau turut signifikan dalam merangka kurikulum dan silibus bagi program akademik di politeknik-politeknik baharu, sebagai Ahli Jawatankuasa Pembangunan Kurikulum dan Silibus. Beliau adalah penterjemah bertauliah

Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) dalam penterjemahan buku-buku dan karya teknikal dan kejuruteraan.

Beliau kemudiannya, telah melebarkan spektrum kerjaya akademik beliau, sebagai pensyarah dan penolong professor di Kulliyah Kejuruteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 1992 sehingga 1997. Sewaktu di UIAM, beliau telah diberikan kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Penyelaras Latihan Industri dan Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dari tahun 1997 sehingga 1998. Pada tahun 1999, beliau diberikan kepercayaan sebagai Penyelaras Program Kejuruteraan Automotif dan Penasihat Persatuan Kejuruteraan di Kulliyah Kejuruteraan, UIAM. Beliau begitu aktif dalam membina jaringan kerjasama bersama industri

bagi aktiviti penyelidikan dan perundingan, sehingga telah dilantik sebagai Penyelaras Intensification of Research in Priority Area (IRPA) dan juga sebagai Lembaga Pengarang, Jurnal Kejuruteraan di Kulliyah Kejuruteraan, UIAM. Beliau bertanggungjawab ke atas pentadbiran dan pengurusan Bengkel Kejuruteraan Berpusat, sehingga membawa kepada pembentukan staf dan penubuhan bangunan-bangunan kejuruteraan dan bengkel di UIAM Kampus Gombak. Dato' Dr. Abu bin Abdullah turut mengetuai task-force jawatankuasa penubuhan kolej-kolej berteraskan TVET di bawah Kementerian Sumber Manusia, seperti nya Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Latihan Perindustrian (ILP). Beliau turut menjadi Ahli Panel Kejuruteraan Mekanikal, Industri, Pembuatan, Mekatronik dan Robotik, kepada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) bagi tahun lantikan 1998 sehingga 2001. Kecemerlangan beliau diiktiraf dengan pelantikan sebagai Pengarah, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan (CEE) di UIAM, mulai Ogos 1998 sehingga November 2001. Sewaktu memegang portfolio tersebut, beliau telah memperkasakan hubungan universiti dan industri, melalui penganjuran kursus-kursus profesional dan bengkel kepada industri, penubuhan program akademik Sarjana Eksekutif bagi sektor swasta dan awam, dan melancar platform rangkaian kepakaran bagi rujukan universiti dan industri. Semangat beliau dalam pemantapan hubungan universiti dan industri telah membawa masuk banyak projek-projek perundingan dari industri ke fakulti, melalui usaha penyelarasan sistematik aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) di fakulti.

Episod kerjaya bersama UTeM bermula apabila Dato' Dr. Abu bin Abdullah menerima lamaran menyertai Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) sebagai Profesor (Gred Khas C) VK7, dan telah ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) mulai 1 November 2001 sehingga 2003. Ketika di awal penubuhan fakulti, beliau begitu aktif memberikan sumbangan yang signifikan dalam menyelaraskan pembangunan infrastruktur di kampus tetap Durian Tunggal, Melaka. Beliau telah menjadi perintis kepada pembangunan makmal-makmal di FKP,





sepertinya Makmal Pembuatan Termaju, Makmal Pembuatan Berintegrasikan Komputer, Makmal Alatan dan Acuan, dan Makmal Robotik dan Automasi. Beliau adalah pelopor di fakulti dalam pembangunan reka bentuk kurikulum bagi program Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana yang ditawarkan di FKP. Dato' Dr. Abu bin Abdullah terus istiqamah dalam membentuk jaringan universiti dan industri ketika bersama KUTKM, dengan penubuhan direktori jaringan dan perhubungan bersama industri-industri tempatan dan antarabangsa. Sewaktu di fakulti, beliau adalah pencetus dan model rujukan bagi aktiviti usaha-sama industri dalam penyelidikan berteraskan aplikasi industri, contohnya Proton, Perodua, Honda, SIRIM, CTRM dan sebagainya. Kepakaran beliau di UTeM adalah diperakukan dalam bidang kejuruteraan pembuatan dan beliau telah berpengalaman lebih 35 tahun dalam pelbagai bidang yang merangkumi bidang pendidikan, pengurusan dan industri pembuatan.

Beliau turut mempunyai pengalaman ampuh melebihi 19 tahun dalam mentadbir Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), apabila dilantik sebagai Dekan, Pusat Universiti Industri (UNIC), KUTKM bermula pada 1 Jun 2002 hingga 1 Januari 2004. Ketika bersama UNIC, tanggungjawab besar yang digalas adalah dalam mengkoordinasikan tadbir-urus program pasca-siswazah, penyelidikan dan pembangunan (R&D), dan program-program perundingan dan keusahawanan di peringkat universiti. Bersama pasukan UNIC, beliau telah berjaya memimpin sehingga kepada penawaran dan penganjuran banyak kursus-kursus dan perkhidmatan profesional untuk industri kecil dan sederhana tempatan (SMI's). Turut signifikan, adalah penubuhan platform kerjasama universiti – industri melalui jaringan industri tempatan dan antarabangsa. Justeru itu, telah mencetus idea pembinaan Teaching-Factory yang berdasarkan pengeluaran produk komponen aeroangkasa bersama Imai Aerospace Component (IAC), Jepun, dengan pembinaan bangunan teaching-factory.

Selain daripada tugas-tugas hakiki di universiti, beliau turut menceburi sukan golf bersempena penganjuran

kali pertama Kejohanan Golf Universiti Awam pada tahun 2002. Bertitik-tolak daripada itu, beliau telah menjadikan sukan ini sebagai platform menjalin hubungan kerjasama dengan industri dan awam. Bagi beliau, sukan golf bukan sahaja memberikan ketenangan, malah mampu mengasah ketajaman strategis perancangan untuk diterapkan dalam kerjaya. Penglibatan beliau dalam sukan golf, bukan sahaja sebagai hobi, tetapi turut mencetus perkenalan beliau dengan pelbagai lapisan masyarakat dengan latar-belakang yang berbeza, seterusnya mengukuh jalinan kerjasama yang terbina.

Pada tanggal 2 Januari 2004 hingga 31 Disember 2005, beliau telah dipinjamkan sebagai Pengarah di Pejabat Penasihat Sains, di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Berbekalkan pengalaman pentadbiran akademik beliau, Dato' Dr. Abu bin Abdullah telah membantu Penasihat Sains kepada Perdana Menteri Malaysia yang kelima pada ketika itu, iaitu Tun Abdullah Bin Ahmad Badawi. Beliau mengetuai pasukan petugas khas di Kementerian Sains dan Inovasi (MOSTI) dalam memformulasi dan mengkoordinasi Polisi Bioteknologi Malaysia, selain daripada mengetuai kajian dasar aktiviti-aktiviti penyelidikan dan industri nanoteknologi di Malaysia dan kajian dasar berkenaan Program "Malaysian Brain Gain". Beliau turut bertanggungjawab kepada Sidang Kemuncak Inovasi Kebangsaan dan Majlis Inovasi Kebangsaan. Beliau turut bertanggungjawab sebagai sekretariat khas Majlis Aeroangkasa Malaysia yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Ketika di JPM, beliau dipertanggungjawabkan sebagai mengetuai task-





force bagi Pelaksanaan Agenda Ekonomi Bumiputera. Antara yang turut mencabar adalah penglibatan signifikan beliau dalam mengkoordinasi pelaksanaan Projek Mikro-Cip Malaysia (MM Chip).

Sekembali ke KUTKM selepas tempoh peminjaman di Pejabat Perdana Menteri, pada Januari 2006 hingga Januari 2007, beliau telah diberikan kepercayaan untuk menyandang jawatan sebagai Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan) KUTKM, dan seterusnya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang pertama, di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada 1 Februari 2007 hingga 31 Disember 2008. Pada 22 Mei 2008 beliau telah menerima kenaikan pangkat sebagai Profesor (Gred Khas B) VK6. Menurut beliau, sepanjang dua tahun lantikan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) menuntut komitmen yang begitu tinggi dalam mengharungi cabaran awal, membangunkan empat komponenteras utama iaitu program akademik, pelajar, staf akademik dan pengantarabangsaan. Bagi pembangunan program akademik, beliau bertanggungjawab dalam memastikan kesemua program akademik dan profesional berserta kandungan yang ditawarkan di KUTKM/UTeM adalah relevan dan memenuhi kualiti dan piawai, melalui proses akreditasi di

peringkat antarabangsa dan kebangsaan, selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK-9). Antara cabaran lain adalah, bersama pasukan dari pejabat TNCA, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan pentadbiran akademik fakulti, dalam membangunkan polisi dan prosedur akademik yang memenuhi kualiti dan piawai yang ditetapkan oleh kurikulum, mod kursus dan metodologi pengajaran dan pembelajaran. Tanggungjawab yang dipikul pada ketika itu, menuntut beliau berusaha keras bersama pasukan, dalam memastikan KUTKM/UTeM pada ketika itu menjadi pilihan utama bakal pelajar untuk menyambung pengajian tinggi mereka ke program-program akademik berteraskan teknikal. Beliau turut komited dalam memastikan graduan yang dihasilkan adalah relevan kepada industri dengan tahap kebolehpasaran kerjaya yang tinggi.

Beliau begitu komited dalam perkara berkaitan pembangunan staf akademik. Bagi menghasilkan berbilang kepakaran dan pengalaman dalam kalangan staf akademik pada ketika itu, mereka telah dihantar menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana dan Ph.D ke pelbagai negara luar. Dasar beliau untuk menghantar staf akademik menyambung pelajaran ke negara-negara berteknologi tinggi seperti Jepun, Jerman dan negara Eropah yang lain, selain daripada United Kingdom dan dalam negara, telah berjaya menghasilkan kepelbagaian pola pemikiran, cara-kerja dan pendekatan unik, dalam pembangunan staf akademik bagi faedah peningkatan mutu pengajaran, kepakaran dan kemahiran staf. Beliau turut aktif, dalam menggalakkan pengantarabangsaan di KUTKM/UTeM sewaktu memegang portfolio TNCA, dengan merancang polisi pengantarabangsaan universiti dan merangka strategi melibatkan pembangunan staf dan pelajar, serta program-program akademik. Penglibatan institusi dan badan antarabangsa digalakkan pada ketika itu, melalui kepelbagaian aktiviti, sepertinya mobiliti pelajar dan pertukaran staf akademik tempatan dan antarabangsa. Beliau adalah merupakan ikon penting





dalam penjenamaan KUTKM kepada UTeM.

Berdasarkan pencapaian cemerlang sebagai pentadbir akademik di institusi pengajian tinggi, beliau telah dianugerahkan pangkat Darjah Seri Melaka (DSM) pada November 2006 dan seterusnya pada November 2007 beliau sekali lagi mendapat pengiktirafan pangkat Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato'. Anugerah ini adalah merupakan anugerah kebesaran yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang lantaran jasa bakti beliau, yang memberikan khidmat terpuji sepanjang perkhidmatan beliau.

Beliau turut pernah dipinjamkan sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya (CUCMS) mulai 1 Januari 2010 hingga 31 Januari 2012 dalam tempoh dua tahun. Ketika bersama CUCMS, beliau telah mengetuai pasukan dalam mendapatkan akreditasi penuh bagi kesemua program akademik yang ditawarkan oleh CUCMS, selain daripada mendapatkan merit kecemerlangan lima bintang bagi penarafan IPTA/IPTS berteraskan pengajian Perubatan dan Sains Kesihatan di Malaysia. Beliau merupakan individu pertama yang membantu CUCMS di dalam pemasyhuran konvokesyen pertama di universiti tersebut.

Bagi memastikan UTeM tidak ketinggalan dalam konteks penerbitan ilmiah dan penyelidikan, beliau adalah pencetus kepada jurnal ikonik universiti. Melalui usaha keras bersama pasukan yang ditubuhkan, jurnal-jurnal tersebut telah mencapai status SCOPUS sehingga ke hari ini, sepertinya Journal of Advanced Manufacturing Technology (JAMT). Sepanjang penglibatan dalam jurnal akademik, beliau bertanggungjawab sebagai Pengerusi bagi Jurnal Keusahawanan dan Pengurusan Teknologi, UTeM (2005 – 2008), Pengerusi bagi Jurnal Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, UTeM dan Pengerusi bagi Jurnal Teknologi Pembuatan Termaju (JAMT), UTeM merangkap Ketua Editor (2012 – 2020). Keseluruhan jurnal-jurnal ini adalah berprestasi tinggi dan dapat dibanggakan

pencapaiannya yang berdaya-saing.

Beliau turut menjalinkan kerjasama yang baik dengan Institut Pengajian Tinggi dan Sektor Industri di Malaysia, malah juga di peringkat antarabangsa dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Beliau sangat bersemangat dan telah menyumbang banyak kepada jurnal antarabangsa dan tempatan, apabila telah berjaya menerbitkan sejumlah jurnal-jurnal berimpak tinggi sebagai penulis utama. Kerjasama erat dengan pihak industri dizahirkan oleh beliau melalui kejayaan geran penyelidikan kolaborasi industri, sepertinya geran penyelidikan pembangunan 'tail-gate' dari bahan komposit bersama Proton (2000 – 2003), matching-grant bersama Proton pada tahun 2016 bagi pembangunan rekabentuk prototaip lengan rendah 'lower-arm' aluminium, ergonomik dan 'crash-can' bagi varian Proton Preve. Selain daripada itu, Dato' Dr. Abu bin Abdullah turut memimpin penyelidikan sebagai penyelidik utama bagi beberapa geran penyelidikan di peringkat kebangsaan, iaitu projek-projek penyelidikan berteraskan fundamental dan aplikasi melalui penajaan geran IRPA, FRGS, RAGS, PJP dan sebagainya, meliputi skop kajian bahan termaju komposit logam dan teknologi salutan berlian kepada mata alat bagi pemesinan bahan logam (AISI D2, nikel, besi tuang) dan bukan logam, komposit dan bahan termaju yang lain, teknologi pemesinan kepelbagaian bahan logam, sintesis bahan nano bagi bahan pengedap komposit dan sebagainya.

Dato' Dr. Abu bin Abdullah merupakan Ahli Senat UTeM bagi tempoh yang panjang bermula dari tahun 2002 sehingga 2020. Kesarjanaan dan kepimpinan akademik beliau, seterusnya melayakkan beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi, Majlis Profesor UTeM (2015 – 2017) dan seterusnya sebagai Pengerusi, Majlis Profesor UTeM (2017 – 2019). Dato' Dr. Abu bin Abdullah adalah merupakan ikon yang telah membawa projek perundingan nasional berimpak tinggi yang pertama ke UTeM bernilai

RM 6,700,000 bagi membangunkan fasiliti, kurikulum dan silibus Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTm) Kuantan, dalam bidang kejuruteraan pembuatan rekabentuk produk (Manufacturing and Product Design).

Sumbangan signifikan kepada negeri kelahiran tercinta, iaitu bumi bertuah negeri Melaka, adalah sebagai ahli, dalam Kumpulan Pemikir Ibnu Khaldun bersama YAB Ketua Menteri Melaka bermula dari tahun 2014 hingga 2016. Antara lain, beliau turut menyumbang sebagai Ahli Lembaga Penasihat bagi Politeknik Merlimau, Melaka bagi tahun 2012 hingga 2014, dan Ahli Lembaga Pengajian Kejuruteraan Mekanikal bagi Kolej Universiti Teknologi Sarawak (UCTS) dari tahun 2013 hingga 2017. Selain dari itu, Dato' Dr. Abu bin Abdullah juga bergiat aktif sebagai pemikir dan ahli bersekutu kepada beberapa organisasi lain, sepertinya, Kumpulan Kepentingan Khas Sektor Awam (PSESIG), The Institution of Engineers Malaysia (IEM) sejak tahun 2013 sehingga 2020, Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) dalam Massive Open Online Courses (MOOC), sejak 2014 sehingga 2020, dan ahli kepada Majlis Penasihat Pembangunan Usahawan (EDAC), Kementerian Keusahawanan Malaysia (MED), sejak tahun 2018 sehingga 2020. Beliau juga adalah ahli dalam Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), ahli kanan dalam Society of Manufacturing Engineer (SME), Amerika Syarikat dan ahli, Persatuan Pengurusan



Teknologi, Malaysia.

Pada tanggal 3 Ogos 2015, beliau telah dilantik memegang jawatan Profesor (Gred Khas A) VK5. Sepanjang kerjaya akademik, beliau telah berjaya menyelia para pelajar ijazah tinggi seramai 15 orang pelajar Sarjana, Doktor Falsafah dan Doktor Kejuruteraan dalam menamatkan pengajian mereka dengan jayanya. Beliau turut dipertanggungjawabkan sebagai Penilai Luar bagi eksais Kenaikan Pangkat Profesor Gred VK7 bagi beberapa universiti tempatan, iaitu UMP, UTHM, UniKL, UTM dan UKM. Profil kerjasama dengan industri yang begitu panjang, telah membuka laluan kepada beliau, untuk dipilih menjadi Profesor Pelawat pertama UTeM di Perusahaan Otomobil Nasional Sdn. Bhd. (PROTON) bagi tempoh 25 Januari 2016 hingga 31 Januari 2017. Beliau turut dipilih sebagai Profesor Tamu di Hochschule Hannover, University of Applied Sciences and Arts, Jerman, pada Oktober 2016. Setelah itu, pada 1 Februari 2016 hingga 28 Februari 2019, Dato' Dr. Abu bin Abdullah telah dilantik untuk mengisi jawatan sebagai Ketua Pusat Kecemerlangan (CoE) dan juga pemangku jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UTeM dari Jun 2018 hingga November 2018. Seterusnya beliau dilantik sebagai Pengarah Pusat Pembuatan Termaju (AMC) pada 1 Mac 2019 sehinggalah beliau bersara wajib pada 9 Mac 2020. Sewaktu memegang portfolio ini, beliau adalah figura penting yang bertanggungjawab dalam mewujudkan inisiatif matching-grant di UTeM buat pertama kalinya, bagi memberi peluang kepada pensyarah bekerjasama dengan pihak industri dalam membantu industri menyelesaikan masalah R&D mereka.

Selepas persaraan, warna-warni perkembangan terkini kerjaya beliau terus diserikan lagi apabila beliau dilantik sebagai Ketua Eksekutif di KYS Business School di Melaka dari Mac 2020 hingga Mac 2022. Terkini, Dato' Dr. Abu bin Abdullah adalah Pengerusi di AZ Crossfield



Sdn. Bhd. dan beliau juga merupakan Pengarah Teknikal di Sawipac Sdn. Bhd. dan Kumpulan Al Hidayah yang berperanan dalam mengkoordinasikan dan menyumbang kepakaran dalam penasihat dan perundingan bidang Teknikal, Latihan dan Pendidikan.

Ditanyakan berkenaan impian dan aspirasi beliau kepada UTeM, supaya UTeM menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang relevan kepada industri dan berupaya melahirkan kepakaran kompeten yang selari dengan kehendak pasaran semasa. Beliau berimpian untuk mewujudkan pusat industri yang berfokuskan penyelidikan di bawah satu bumbung di UTeM, agar dapat memberikan impak kepada masyarakat melalui saling hubungan industri dan universiti yang berterusan.

Pesanan beliau buat akademia di UTeM agar mendapatkan mentor bagi mengekalkan momentum sebagai ahli akademik yang berdaya saing dan relevan. Menurut beliau, antara nilai teras yang diperlukan bagi menjadi ahli akademik yang holistik adalah dengan mengukuhkan kepakaran utama, kompetensi, seterusnya mempelbagaikan bidang kepakaran (multi-disciplinary), bekerja dalam pasukan dan sentiasa berpengetahuan dan berusaha untuk belajar bidang baharu, serta aktif membina jaringan hubungan baik antara semua pihak. Beliau menegaskan, kemajuan teknologi terkini bukan bergantung kepada satu bidang sahaja, sebaliknya memerlukan integrasi dari kepelbagaian kepakaran. Maka, beliau menyeru agar staf bereksplorasi dengan mempelbagaikan kemahiran untuk kekal berdaya-saing. Pesanan beliau buat staf UTeM dan pelajar supaya tidak bekerja secara individu (in-silo) tetapi harus pintar bekerja dalam pasukan (de-silo) dan sentiasa berusaha agar relevan kepada masyarakat. Ketika ditanyakan mengenai rahsia kecemerlangan dalam kehidupan dan kerjaya beliau, Dato' Dr. Abu bin Abdullah menitipkan keluarga

adalah segalanya, maka jadikanlah keluarga sebagai keutamaan yang pertama, selain daripada pendidikan, kesihatan dan hubungan baik antara sahabat.

Dato' Dr. Abu bin Abdullah menzahirkan rasa penghargaan dan kesyukuran di atas penganugerahan Profesor Emeritus. Beliau amat terharu, kerana sumbangan dan jasa bakti beliau diiktiraf dan dihargai selayaknya. Beliau berhasrat untuk terus menyumbang kepakaran kepada Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP) khususnya dan UTeM, amnya. Beliau menyatakan, pengiktirafan yang diberikan ini akan terus ditimbal balik bagi pembangunan serta pencapaian visi dan misi UTeM.

Akhir bicara, beliau turut menitip serangkap pantun sebagai simbolik tanda ingatan beliau buat seluruh warga UTeM yang beliau kasihi.

**Cahaya Pelita Terang Menyala
Tidak Berdebu Letak di Beranda
Benarlah Kata Disini Segalanya Bermula
UTeM dan Dato' Abu Berpisah Tiada**

PROFESSOR EMERITUS *Recipient*

DATO' DR. ABU BIN ABDULLAH



Dato' Dr. Abu bin Abdullah was born on Wednesday, the 9th of March 1960, during the blessed month of Ramadan in Ujong Pasir, Melaka. He is the fifth child among eight siblings born to Esah Binti Hitam and Abdullah Bin Kadir. To support the family, his father worked in the village and engaged in small-scale businesses, while his mother was a full-time homemaker. His parents firmly believed that education was the key to improving their family's status, and they were deeply committed to their children's educational achievements. As a result, all of his siblings have succeeded in their studies and careers.

To trace the academic journey of Dato' Dr. Abu bin Abdullah, we shall begin with his early education. He received his early education at the Ujong Pasir National School (Malay medium). His father greatly emphasized English-medium education to ensure that he would be more successful and competitive. Therefore, for his secondary education, he continued his lower secondary studies in the English medium at the Yoke Bin National Type Secondary School, starting from the transition class up to Form Three. He remembers his mother's sacrifices. She worked tirelessly, riding a bicycle rickshaw for hire at that time, to provide him with the best study desk and chair and any amenity that he required. This became the driving force in strengthening his determination to excel in the Lower Certificate of Education (LCE) examination in 1976. As a result of this success, he was accepted to pursue his upper secondary education in the science stream at the Royal Military College (RMC) in Sungai Besi, Kuala Lumpur, from 1977 to 1979, after passing through four rigorous selection stages. His experience at RMC honed his leadership skills based on the "serve to lead" spirit of the college that he adopted into his own life, characterized by commitment, punctuality, and military discipline. With an outstanding achievement of Grade 1 in the Malaysian Certificate of Education (MCE) in 1978, he was subsequently offered a place in the Lower Sixth Form at RMC.





From 1979 to 1981, he furthered his studies by pursuing the GCE A-Levels at Grantham College for Further Education, United Kingdom. Upon completing his pre-university studies, he was offered a sponsorship by the Ministry of Education Malaysia to study physics. However, he leaned towards pursuing a foundational degree in engineering, after considering the balance between the disciplines of physics, chemistry, and mathematics in his chosen field. He graduated with a Bachelor's degree in Production Engineering from the University of Birmingham, United Kingdom, in 1984. Subsequently, he took a Post-Graduate Certificate of Education (PGCE) course at the Technical Teacher's Training College in Cheras, Kuala Lumpur, from 1984 to 1985. Due to his profound interest in the field of education, he continued to study for the Master's degree in Manufacturing Systems Engineering from Warwick University in the United Kingdom from 1990 to 1991. He then further pursued a Doctor of Philosophy (Ph.D.) studies in Manufacturing Engineering, with a thesis titled "Machining of Metal Matrix Composite (MMC)" specializing in the topic of industrial machining of composite metal materials, with full industry collaboration and sponsorship from British Aerospace, Cincinnati, and British Aluminum, from 1992 to 1996, at the same university. During his studies in the United Kingdom, his leadership abilities shone through when he was appointed as the Secretary of the Islamic Association at the University of Birmingham (from 1981 to 1993), the Vice President of the Islamic Association at Warwick University (from 1992 to 1993), and the Head of the Malaysian Community Association in Coventry, United Kingdom (1992-1996), responsible for the welfare and interests of the Malay community there.

His visit to the United States during the final year of his Bachelor's degree studies in Birmingham, UK, to visit his sister who was pursuing her studies in Alabama, USA, brought him to the next stage of his life. He was introduced to the love of his life, Datin Dr. Suraya Binti

Ahmad. The marriage with his soulmate was blessed with five wonderful daughters, each of whom has achieved success in their respective professional careers (Dr. Nadiah, Dr. Nasiha, Dr. Nabilah, Nurul Iman, and Nurul Ain). As of now, they have three grandsons and are eagerly anticipating the arrival of their fourth grandchild. Together, they have navigated the joys and challenges of life's early marital phase while raising their children during his pursuit of his Master and Ph.D. degrees in the United Kingdom. Thanks to the sacrifices of his beloved wife, mutual understanding, and unwavering trust between them, their marriage has been a pillar of happiness. Sharing a common passion for exploration with his beloved wife, he and his family often seize the opportunity to travel together, strengthening the bonds of family ties as they journey to different countries.

To trace the long journey of his academic career development, he began his service as a lecturer in 1985 at the Department of Mechanical Engineering at the Sultan Haji Ahmad Shah Polytechnic in Kuantan, Pahang. Subsequently, he moved to Port Dickson Polytechnic, Negeri Sembilan, as a senior lecturer in the Department of Mechanical Engineering in 1991. During his service at both polytechnics under the Ministry of Education Malaysia, he was actively involved in the development of new facilities, laboratories, and engineering workshops, holding a crucial portfolio as a member of the New Polytechnic Technical Development Committee. His contributions were also significant in the design of curricula and syllabi for academic programmes at the new polytechnics, as a member of the Curriculum and Syllabus Development Committee. He is also a certified translator of the Dewan Bahasa & Pustaka (DBP) in translating books and technical and engineering works.

He then expanded the spectrum of his academic career as a lecturer and assistant professor at the Faculty of Engineering at the International Islamic University Malaysia (IIUM) as early as 1992 until 1997. During his time



at IIUM, he was entrusted with the role of Industrial Training Coordinator and Deputy Dean of Student Affairs from 1997 to 1998. In 1999, he was appointed as the Coordinator for the Automotive Engineering Programme and an

Advisor to the Engineering Association at the Faculty of Engineering, IIUM. He was highly active in establishing collaborative networks with the industry for research and consulting activities, to the extent that he was appointed as the Coordinator for the Intensification of Research in Priority Area (IRPA) and also as the Editorial Board Member for the Engineering Journal in the Faculty of Engineering, IIUM. He was responsible for the administration and management of the Centralized Engineering Workshop, which led to the recruitment of staff and the establishment of engineering buildings and workshops at the IIUM Gombak Campus.

Dato' Dr. Abu bin Abdullah also led the task force for the establishment of TVET-based colleges under the Ministry of Human Resources, such as the Advanced Technology Training Center (ADTEC) and the Industrial Training Institute (ILP). He also served as a Panel Member for Mechanical Engineering, Industry, Manufacturing, Mechatronics, and Robotics at the National Accreditation

